

R B038 BAH
MAHATHIR - PENEROKA

KUALA TERENGGANU, 10 OGOS (BERNAMA) -- LEBIH BANYAK MASA DAPAT
DITUMPUKAN UNTUK KEBAJIKAN DAN FAEDAH MASYARAKAT SEKIRANYA
MASYARAKAT TIDAK BERPECAH BELAH, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR
MAHATHIR MOHAMAD.

MENURUTNYA, PERPADUAN JUGA AKAN MEMUDAHKAN KERAJAAN MELAKSANAKAN
PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN UNTUK KEBAIKAN RAKYAT.

DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA SAMBUTAN HARI
PENEROKA KEBANGSAAN YANG AKAN BERLANGSUNG ISNIN INI DI BANDAR AL
MUKTAFI BILLAH SHAH DI DAERAH DUNGUN, PERDANA MENTERI BERKATA
SEBAGAI SATU KUMPULAN PENDUDUK YANG BESAR BILANGANNYA, PERPADUAN DI
KALANGAN PENEROKA PASTI DAPAT MENYUMBANG KEPADA KESTABILAN EKONOMI
NEGARA INI.

MENGENAI SAMBUTAN HARI PENEROKA TAHUN INI, DATUK SERI DR
MAHATHIR BERKATA KEMERIAHANNYA JELAS DIRASAKAN KERANA KEDUDUKAN
EKONOMI NEGARA SUDAH BERTAMBAH BAIK DISEBABKAN HARGA KOMODITI UTAMA
YANG LEBIH TINGGI DAN STABIL.

NAMUN BEGITU, KATANYA, PARA PENEROKA PERLULAH BERUSAHA LEBIH
GIGIH LAGI UNTUK MEMPERTINGKATKAN PENGELUARAN KERANA DENGAN CARA ITU
MEREKA DAPAT TERUS MENIKMATI PULANGAN YANG LEBIH DI SAMPING MEMBANTU
PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA. -- LAGI

1205MST 10 08 90

R B039 BAH
MAHATHIR - PENEROKA 2 KUALA TERENGGANU

MENTERI BESAR TERENGGANU, TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, DALAM
PERUTUSANNYA, PULA BERKATA PERISYTIHARAN HARI PENEROKA IALAH SATU
PENGIKHTIRAFAN YANG AMAT TINGGI KEPADA PARA PENEROKA YANG TELAH
BERUSAHA DENGAN GIGIH, MEREDAH HUTAN BELANTARA SEHINGGA BERJAYA
MELETAKKAN NAMA MALAYSIA SEBAGAI PENGELUAR UTAMA KELAPA SAWIT DAN
GETAH.

MENURUTNYA, KEJAYAAN-KEJAYAAN ITU AMAT BESAR MAKNANYA KEPADA
NEGARA DAN DIHARAPKAN AKAN DAPAT MERANGSANG LEBIH RAMAI GOLONGAN
MUDA UNTUK TERUS MENCEBURI BIDANG PERTANIAN BAGI MENINGKATKAN HASIL
PERTANIAN DI SAMPING MENGURANGKAN KADAR PENGANGGURAN DI NEGARA INI.

MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK KASITAH GADAM, PULA
BERKATA PARA PENEROKA MERUPAKAN MASYARAKAT YANG BERTUAH KERANA
MENIKMATI KEMAKMURAN DAN TARAF HIDUP YANG TINGGI HASIL DARIPADA
TANAH YANG DIMAJUKAN.

LAGAIMANAPUN, KATANYA, MEMANDANGKAN POTENSI UNTUK MEMBUKA DAN
MENDAPATKAN LEBIH BANYAK TANAH ADALAH TERHAD SEKARANG, PARA PENEROKA
YANG SUDAH PUN MEMILIKI TANAH SENDIRI TIDAK HARUS MENGABAIKAN HARTA
YANG BERNILAI ITU, TETAPI SEBALIKNYA MENGGUNAKANNYA SEOPTIMUM YANG
BOLEH. -- BERNAMA

1207MST 10 08 90